

**ANALISIS KEPERLUAN PEMBENTUKAN MODEL PSIKOLOGI
KOMUNIKASI ISTERI BERPADU MENGURUS KONFLIK
RUMAH TANGGA**

(A Need Analysis in Development Psychological Communication Model Among
Co-Wives in Managing Households Conflicts)

¹ MARIAM ABD MAJID

¹ MUHAMMAD YUSUF MARLON ABDULLAH

¹ SAHLAWATI ABU BAKAR

² MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL

³ SALASIAH HANIN HAMJAH

³ ZULKEFLI AINI

¹ NAQIBAH MANSOR

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

² Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek, 71760 Labu,
Negeri Sembilan, Malaysia

³ Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pasangan rumah tangga poligami sering berhadapan dengan konflik dan menjadi buntu ekoran tidak tahu bagaimana kaedah untuk mengurus konflik yang berlaku. Artikel ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembinaan model psikologi komunikasi isteri bermadu dalam mengurus konflik rumah tangga. Analisis keperluan ini dilaksanakan bertujuan bagi memastikan model yang bakal dibentuk memenuhi keperluan sasaran model dan menentukan spesifikasi model yang dibina. Proses analisis keperluan pembinaan model ini dijalankan menerusi temu bual separa berstruktur. Pemilihan informan dilakukan secara persampelan bertujuan iaitu lima orang isteri yang bermadu dan seorang suami yang berpoligami. Transkripsi data

temu bual dianalisis bagi membentuk tema dan subtema. Proses kesahan tema dan subtema ini dilakukan menerusi kaedah pengiraan Cohen Kappa. Dapatan temu bual berkaitan keperluan pembinaan model ini mengutarakan empat tema dan subtema utama, iaitu: (1) Kewujudan konflik dalam rumahtangga bersedu, (2) Faktor-faktor berlakunya konflik rumah tangga bersedu, (3) Pendekatan dilakukan dalam mengurus konflik rumah tangga bersedu, dan (4) Keperluan pembangunan model. Pembinaan model ini boleh menjadi panduan kepada pasangan suami isteri dalam pengurusan konflik rumah tangga bersedu.

Kata kunci: Model; psikologi komunikasi; isteri bersedu; mengurus konflik; rumah tangga

ABSTRACT

Practitioners of polygamy frequently experience conflicts and reach an impasse when they cannot communicate effectively with each other. This study aims to identify the needs in developing psychological communication model among co-wives in managing conflicts. This needs analysis is performed to ensure that the model meets the needs of targeted population and to determine the specification of the model. Semi-structured interviews were conducted for the study. Five married women and one polygamous husband were selected for the study using a purposive sampling method. Transcriptions of the data from the interview were analyzed to form themes and sub-themes. The process of validating these themes was done by using Cohen Kappa method. The findings show four main themes, namely: (1) Existence of the conflicts, (2) Causes of conflicts, (3) Approaches used in managing conflicts, and (4) The need to develop the model. The development of this model can be used to guide spouses in managing communication conflicts among polygamists.

Keywords: *Model; psychological communication; co-wives; conflicts' management; household*

PENGENALAN

Rumah tangga dibina hasil suatu ikatan perkahwinan. Pasangan suami dan isteri perlu tahu dan faham tujuan perkahwinan dibina, peranan dan tanggungjawab yang wajib sekaligus bersedia memikul tanggungjawab serta peranan yang diamanahkan. Keadaan rumah tangga yang bahagia dan harmoni dapat diwujudkan dengan kesabaran, kekuatan dan kebijaksanaan kedua pihak suami serta isteri dalam mengendalikannya. Konflik dalam rumah tangga adalah sesuatu yang sukar dielakkan, namun ianya boleh diurus dengan sebaiknya oleh pasangan suami dan isteri.

Usaha mewujudkan keharmonian ini menjadi lebih mencabar apabila rumah tangga yang terbina adalah rumah tangga bermadu iaitu suami yang memiliki lebih daripada seorang isteri (Rohmad 2016 ; Fitri Yulianti et.al 2008). Sebarang konflik yang wujud ekoran masalah yang timbul berkaitannya perlu sentiasa dibawa berbincang dari hati ke hati (Fadilah 2016). Kebijaksanaan menguruskan konflik adalah antara faktor yang menyumbang ke arah mewujudkan keharmonian hubungan sesebuah rumah tangga. Pendekatan yang penuh hikmah dan bijaksana penting diaplikasi dalam pengurusan konflik rumah tangga. Integrasi pendekatan psikologi dan komunikasi dalam mengurus konflik rumah tangga khususnya rumah tangga bermadu dilihat sangat sesuai. Menurut Miller (1982), psikologi komunikasi mengaplikasi kaedah psikologi dalam proses komunikasi agar lebih efektif (Miller 1982). Oleh itu, artikel ini mengemukakan kajian berkaitan keperluan membangunkan satu model psikologi komunikasi isteri bermadu dalam mengurus konflik rumah tangga.

ANALISIS KEPERLUAN MODEL PSIKOLOGI KOMUNIKASI

Fasa analisis keperluan adalah sebahagian daripada proses kajian reka bentuk dan pembangunan model (Ghazali & Sufean 2018). Menurut Richey dan Klein (2007), kelebihan kajian reka bentuk dan pembangunan model ialah penyelesaian masalah dalam konteks yang spesifik. Analisis keperluan dilaksanakan terhadap sasaran fokus pembangunan model (Rashidah 2013). Analisis keperluan ialah fasa permulaan kajian iaitu peringkat mengumpulkan maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin 2013). Kajian analisis keperluan dilakukan sebelum sesebuah model itu dibangunkan bagi mengetahui keberangkalian berlakunya permasalahan (Branch 2009) dan melaksanakan apa yang perlu untuk menyelesaikan masalah (Reinbold 2013). Fasa analisis keperluan ini memberikan maklumat penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan model dalam fasa seterusnya (Gagne et. al 2005). Artikel ini mengemukakan dapatan kajian terhadap keperluan pembinaan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik dalam rumah tangga. Data kajian diperolehi menerusi temu bual terhadap pasangan rumah tangga bermadu tentang kewujudan, faktor serta kaedah yang dilakukan dalam mengurus konflik yang berlaku dan keperluan terhadap pembangunan model.

Komunikasi adalah satu keperluan fitrah bagi manusia (Rosni et. al 2015). Kewujudan konflik dalam proses komunikasi menjadi asam garam dalam kehidupan manusia (Mohd Fuad Salleh 2015). Menurut Cherni Rachmaadani (2013), konflik wujud ekoran kelemahan proses komunikasi yang berlaku. Konflik sukar dielakkan namun ia mesti diurus dengan pendekatan yang sesuai bagi mengelakkan implikasi negatif berlaku (Norazlina et. al 2017). Konflik berlaku dalam pelbagai bentuk

disebabkan perbezaan, kepercayaan, ideologi, fahaman, adat istiadat, kepentingan diri atau kaum dan sebagainya (Bharuddin Che Pa, Ajidar Matsyah 2013). Fenomena konflik boleh berlaku dalam rumah tangga, keluarga, organisasi serta masyarakat. Pengurusan konflik rumah tangga penting diberi tumpuan kerana keharmonian institusi rumah tangga bakal menyumbang terhadap keharmonian masyarakat dan negara. Sebaliknya, kegagalan dalam mengurus konflik rumah tangga bakal menjurus berlakunya kepincangan institusi keluarga sekali gus memberi kesan terhadap pembangunan anak-anak (Hetty Anggraini 2015).

Aspek gangguan dikenal pasti antara punca berlakunya konflik dalam sesebuah rumah tangga. Gangguan sukar dielakkan kerana ia wujud sama ada daripada faktor luaran yang tidak dapat dikawal mahupun faktor dalaman yang boleh dikawal. Gangguan faktor luaran seperti persekitaran, pihak ketiga atau keluarga, majikan dan gangguan faktor dalaman seperti emosi yang tidak stabil, perasaan cemburu dan seumpamanya menjadi penyebab munculnya konflik rumahtangga (Nurhanisah & Raihanah 2016). Berasaskan faktor-faktor gangguan yang dihadapi ini, konflik sering dihadapi dalam rumah tangga oleh kebanyakan pasangan suami dan isteri khususnya rumah tangga bermadu. Selain gangguan luaran dan dalaman, aspek komunikasi turut menyumbang berlakunya konflik dalam rumah tangga. Kajian Fadilah Ismail (2016) menyatakan faktor komunikasi lemah, kewangan, penderaan fizikal dan mental, kelemahan ikatan kekeluargaan, penampilan diri adalah faktor yang menyumbang kepada konflik dalam rumah tangga dan dalam keadaan yang serius ianya boleh menjurus ke arah keruntuhan rumah tangga. Komunikasi yang lemah dan tidak berkesan antara pasangan suami dan isteri dalam keluarga mudah mencetuskan konflik yang akhirnya menjurus berlakunya perceraian (Mohammad Luthfi 2017).

Mengurus konflik yang berlaku adalah antara usaha penting untuk melindungi diri daripada kemudaratan. Konflik yang dihadapi boleh diurus menerusi akal dan petunjuk yang diberikan oleh Allah SWT (Muhammad Nubli 2008). Islam menekankan aspek keseimbangan dalam masalah memenuhi tuntutan keperluan manusia iaitu untuk kebaikan diri sendiri dan kebaikan kepada masyarakat dan pada masa yang sama berusaha mencegah dari berlakunya perkara yang membawa kepada kemudaratan menerusi cara yang dibenarkan oleh syariat (Ridzuan Masri et. al 2018). Rahim (1983) turut mengemukakan dua dimensi pengurusan konflik iaitu keprihatinan terhadap diri sendiri dan keprihatinan terhadap orang lain. Dimensi pertama menerangkan darjah (tinggi atau rendah) seseorang individu cuba memuaskan diri mereka, manakala dimensi kedua menerangkan darjah seseorang individu cuba untuk memuaskan keperluan dan perasaan orang lain. Model pengurusan konflik dua dimensi banyak digunakan dalam kebanyakan sorotan literatur berkaitan topik ini (Altmäe, et. al. 2013). Pengurusan konflik melibatkan dua peranan utama iaitu penyampai mesej serta pihak yang menerima mesej. Dalam

konteks rumah tangga, pengurusan konflik melibatkan peranan suami, isteri dan keluarga. Aspek mesej dan gangguan juga tidak boleh diabaikan malahan perlu diberi perhatian kerana keduanya memberi impak terhadap kewujudan konflik yang berlaku. Menurut Ramaraju (2012), aplikasi pendekatan psikologi dalam komunikasi sesuai untuk diaplikasi dalam mengurus konflik yang wujud. Salah faham, masalah, perbezaan yang timbul dalam rumah tangga perlu ditangani dengan bijaksana kerana ia berpotensi menyumbang berlakunya konflik perkahwinan khususnya rumah tangga bermadu (Fitri Yulianti et. al 2008). Berdasarkan situasi ini, terdapat keperluan untuk membangunkan model sebagai panduan dalam pengurusan konflik rumah tangga poligami .

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur terhadap 5 orang isteri yang bermadu dan seorang suami yang berpoligami. Teknik pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria pasangan bermadu iaitu isteri yang bermadu dan suami yang berpoligami. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih seorang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan subtema. Tema dan subtema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema. Jadual 1 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan subtema.

JADUAL 1 Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil.	Pakar	Bidang Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Dakwah dan Kaunseling Islam	0.72
2	Pakar B	Dakwah dan Komunikasi Media	1.00
3	Pakar C	Komunikasi	0.31
Keseluruhan			0.68
(Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.68 dan berdasarkan kepada Jadual 2, nilai $k = 0.68$ berada pada skala sederhana.

JADUAL 2 Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
$0.70 - 0.89$	Tinggi
$0.30 - 0.69$	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Kamarul Azmi (2012)

Terdapat enam langkah dalam pelaksanaan fasa analisis keperluan. Langkah-langkah tersebut adalah berdasarkan model analisis keperluan. Pendekatan ini menekankan keperluan memahami masalah yang dikaji sebelum mencari penyelesaian kepada masalah tersebut (Ghazali & Sufean 2018). Enam langkah asas dalam menjalankan analisis keperluan kajian ini iaitu seperti berikut:

Langkah Pertama: Mengenal pasti atau menilai masalah yang wujud iaitu mengenal pasti elemen masalah yang berkaitan.

Langkah Kedua: Menentukan tujuan analisis keperluan yang dilakukan agar keseluruhan proses itu jelas.

Langkah Ketiga: Pemilihan teknik dan instrumen untuk pengumpulan data. Dalam konteks kajian ini, instrumen temu bual digunakan.

Langkah Keempat: Membangunkan perancangan analisis keperluan.

Langkah Kelima: Membangunkan protokol temu bual.

Langkah Keenam: Analisis dan pembentangan dalam keseluruhan proses.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik temu bual separa struktur iaitu dengan menemu bual informan pasangan bermadu. Dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji menemu bual informan berkenaan kewujudan konflik, faktor dan pendekatan mengurus konflik rumah tangga bermadu serta keperluan membangunkan model psikologi komunikasi pengurusan konflik rumah tangga bermadu.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memerlukan pengkaji melakukan pengumpulan maklumat tentang konteks dan situasi kajian daripada informan iaitu pasangan bermadu.

Demografi Informan Analisis Keperluan

Dalam menjalankan analisis keperluan ini, enam informan yang terdiri daripada lima orang isteri yang bermadu dan seorang suami yang berpoligami ditemui. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

JADUAL 3 Perbandingan Latar Belakang Pasangan Bermadu dari Aspek Jantina, Tempoh Bermadu, Bilangan Anak dan Status

Informan kajian	Jantina	Pengalaman poligami/bermadu	Bilangan anak	Status Informan
PK1	Perempuan	10 tahun	3 orang	Isteri kedua
PK2	Perempuan	4 tahun	1 orang	Isteri kedua
PK3	Perempuan	11 bulan	3 orang	Isteri pertama
PK4	Perempuan	28 tahun	2 orang	Isteri kedua
PK5	Perempuan	20 tahun	8 orang	Isteri pertama
PK6	Lelaki	4 tahun	4 orang	Suami berpoligami

Sumber: Temu bual dan analisis dokumen daripada maklumat butiran peribadi informan iaitu pasangan bermadu. Profil peserta kajian dalam Jadual 4 memberi gambaran mengenai jantina, tempoh bermadu, bilangan anak dan status.

Menurut Saedah et al. (2013), fasa analisis keperluan bertujuan mengenal pasti keperluan model ini dibangunkan dan dinilai dalam fasa seterusnya. Dapatan analisis keperluan yang diperolehi turut menyumbang kepada reka bentuk spesifikasi model yang bakal dibangunkan. Jadual 4 menunjukkan struktur instrumen temu bual yang menjelaskan objektif dan persoalan yang perlu dijawab dalam memenuhi kajian analisis keperluan bagi pembangunan model ini.

JADUAL 4 Objektif dan persoalan kajian bagi fasa analisis keperluan

Objektif	Persoalan
Mengenal pasti keperluan model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) mengurus konflik rumah tangga	<ol style="list-style-type: none">1. Adakah wujud konflik dalam rumah tangga bermadu?2. Apakah faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu?3. Bagaimana kaedah yang dilakukan untuk mengurus konflik rumah tangga bermadu?4. Adakah terdapat keperluan pembangunan model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) mengurus konflik rumah tangga?

Berikut adalah tema dan sub tema hasil transkripsi data temu bual yang dilaksanakan terhadap informan iaitu lima orang isteri yang bermadu dan seorang suami yang berpolidgami berkaitan keperluan pembinaan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga. Dapatan temu bual dimulai dengan persoalan berkaitan kewujudan konflik dalam rumah tangga bermadu.

Kewujudan Konflik Dalam Rumah Tangga Bermadu

Hasil temu bual yang dijalankan mendapati semua informan menyatakan bahawa wujud konflik dalam rumah tangga mereka. Dapatan ini menjawab persoalan pertama bagi objektif analisis keperluan tentang kewujudan konflik dalam rumah tangga bermadu yang dibina.

Faktor-Faktor Berlaku Konflik Rumah Tangga

Kajian seterusnya mengenalpasti apakah antara faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu. Beberapa faktor dinyatakan oleh informan berkaitan faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu iaitu;

Hilang Kepercayaan Terhadap Suami

Konflik boleh berlaku dalam rumah tangga bermadu apabila isteri hilang kepercayaan terhadap suami (Zanariah et. al 2018). Keadaan ini berlaku apabila suami yang menyembunyikan perkahwinan kedua telah dapat diketahui oleh isteri pertama. Menurut PK2 (isteri kedua), konflik semakin serius berlaku apabila isteri pertama mendapat tahu suaminya telah berkahwin lagi; “apabila madu saya mula-mula bila dia dapat tahu macam-macam dia kata pada saya terutama bila dia telefon dan macam-macam dia kata...”. Peristiwa yang berlaku ini menyebabkan madunya iaitu isteri pertama suami sudah hilang kepercayaan terhadap suaminya; “perasaan madu saya terhadap suami saya tu, memang adalah orang kata tu kuranglah, nak kata tu kepercayaannya kepada suami saya”. PK2 menjelaskan lagi; “dia cakap dah sendiri kepada saya yang dia tak percaya dah dengan suami”.

Implikasi yang dialami oleh isteri pertama ini turut memberi implikasi terhadap anak-anak yang melihat di hadapan mata tekanan yang dihadapi oleh ibunya (Aulia Musyarofah, 2018). Keadaan ini turut diakui oleh informan PK3 yang menyatakan; “anak-anak tidak suka suami”. Menurut beliau, hal ini berlaku kerana anak-anak tidak merestui perkahwinan kali kedua yang disembunyikan oleh bapa mereka; “anak-anak tidak boleh terima”. Kenyataan ini menunjukkan bahawa konflik wujud disebabkan perasaan tidak puas hati yang terbuku dalam hati isteri pertama ekoran perbuatan suami yang menyembunyikan perkahwinan kedua daripada

pengetahuan isteri pertama. Menurut PK2, isteri pertamanya meresapkan perkara negatif dan tohmahan berkenaan dirinya (isteri kedua) kepada anak-anaknya; “dia kata pada anak-anak jangan buat macam tu... haa macamtulah, macam saya ni.. contoh yang tak baiklah bagi dia orang”. Fitnah yang dizahirkan oleh isteri pertama ini disebabkan rasa marah terhadap suami yang merahsiakan perkahwinan kedua. Dapatan ini menerangkan bahawa tindakan pihak suami yang merahsiakan perkahwinan keduanya daripada pengetahuan isteri pertama menjadi antara faktor dinyatakan mencetuskan konflik dalam kalangan isteri bermadu.

Cemburu

Perasaan cemburu turut menjadi antara faktor wujud konflik dalam kalangan para isteri bermadu (Fitri Yulianti et.al (2008). Cemburu adalah perasaan yang wujud secara fitrah dan sukar dielakkan. Kemunculannya jika tidak dikawal mencetuskan konflik dalam rumahtangga bermadu (A. Kurniawan 2013). Menurut informan PK 1 apabila diminta mengulas berkaitan perasaan cemburu menyatakan “ermm... memang ada. Sebab tu saya cakap, sebagai manusia biasa memang ada. Kita rasa macam suami kita sayang dia ke, sayang dia lebih...”. Menurut Rohmad (2016), tekanan perasaan dan emosi dialami oleh isteri bermadu apabila mengetahui suami telah berkahwin dan mempunyai madu serta merasa rasa cinta terhadapnya telah dikongsi. Perasaan cemburu yang timbul sedikit sebanyak menjurus berlakunya konflik dalam rumah tangga.

Pembahagian Masa dan Penggiliran dengan Adil

Pengurusan masa dan penggiliran merupakan aspek yang sangat penting dalam hidup rumah tangga bermadu. Kedua perkara ini mesti diberi perhatian dan dilaksanakan dengan adil. Pengabaian terhadap kedua aspek ini menjadi faktor berlakunya konflik. PK1 iaitu isteri kedua menyatakan; “cabaran dia lebih kepada pembahagian waktu, pembahagian waktu terutamanya pada hujung minggu dan pada waktu kenduri-kendara dan pada giliran raya, kerana pada awal-awalnya sangat susah untuk bahagi masa untuk pergi kenduri di sebelah isteri pertama atau isteri kedua”. Perkara ini turut dinyatakan oleh informan PK2 iaitu seorang isteri kedua yang menyatakan; “bagi saya, yang paling saya rasa berat untuk saya hadapi ialah dari segi dia membahagikan masa antara isteri pertama dengan saya”, malah beliau turut menambah; “sebab sekarang hanya dia datang haaa bila dia dapat datang...”. Informan seterusnya iaitu PK3 menyatakan bahawa suami beliau jarang pulang ke rumah; “suami jarang balik ke rumah”. PK6 selaku suami yang berpoligami mengakui bahawa pembahagian masa merupakan cabaran untuk beliau dalam rumahtangga bermadu yang menyatakan; “tapi kekangan yang paling jelas adalah mahu bahagikan masa dengan komitmen yang ada dan kerja yang ada dengan... Iya..

yang dibahagi masa sepenuhnya”. Menurut PK1; “haaa dan perkara kedua adalah giliran beraya yang seingat saya, giliran beraya yang saya dapat aaa.. untuk raya pertama bersama hanyalah... tak silap pada tahun kedua perkahwinan.”. Kegagalan suami dalam mengurus pembahagian masa yang adil kepada para isteri sama ada yang melibatkan penggiliran masa menyambut perayaan Hari Raya, perjalanan serta bermalam dikemukakan sebagai faktor berlakunya konflik dalam kalangan isteri bermadu. Rohmad (2016) menjelaskan bahawa konflik muncul dalam rumah tangga poligami adalah kerana suami tidak adil dalam melakukan pembahagian hak-hak isteri. Keadilan suami penting dalam pengurusan rumah tangga bermadu (Siti Zuibaidah & Hana 2018).

Pengabaian Tanggungjawab

Suami mesti mengambil tanggungjawab menjaga keperluan para isteri. Menurut Ahmad Zamri (2014), ramai suami yang telah berpoligami terus mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap isteri pertama dan anak-anak termasuk mengurangi dan tidak memberi nafkah yang sepatutnya. Dapatan hasil temu bual kajian ini mendapati pengabaian tanggungjawab merupakan antara faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu. Menurut informan PK3 selaku isteri pertama menyatakan; “masalah kesihatan, suami tidak ambil tahu kesihatan saya”. Keprihatinan dalam aspek kesihatan isteri menjadi tanggungjawab pihak suami malah jika diabaikan boleh mencetuskan konflik seterusnya menggugat keharmonian sebuah keluarga.

Para suami wajib berlaku adil terhadap para isteri dalam aspek tanggungjawab pemberian nafkah. Pengabaian terhadap pemberian nafkah dinyatakan sebagai faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu. Pihak isteri terpaksa menyara diri sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup apabila suami berkahwin lagi. Hal ini dinyatakan oleh PK3, iaitu isteri pertama; “saya terpaksa bekerja untuk sara hidup, beli ubat dan makanan keperluan saya”. Sikap suami yang kurang bertanggungjawab ini menjadi gangguan terhadap perasaan isteri sehingga menjadi faktor tercetus konflik dalam rumah tangga bermadu.

Kehidupan rumah tangga sering berhadapan dengan pelbagai masalah. Setiap masalah yang wujud dalam kehidupan rumah tangga tidak boleh diabaikan. Pihak suami mahupun isteri tidak boleh membiarkan masalah rumah tangga berlaku tanpa diselesaikan ataupun mengelak daripada masalah tersebut. Masalah tidak akan selesai sekiranya tidak dibawa berbincang malahan menjadi semakin serius apabila perkara itu diungkit dan tidak berkesudahan. Menurut PK6; “kalau masalah poligami ni sebelum tidur buat penyakit yang sama... perempuan bebel-bebel haaa bangun-bangun tidur, buka mata pun mula membebel”. PK6 iaitu seorang suami

yang berpoligami menjelaskan bahawa isterinya selalu membuat leteran yang boleh menimbulkan rasa tidak selesa kepada dirinya. Leteran ini jika tidak diberi perhatian boleh menyumbang ke arah berlakunya konflik yang berterusan ekoran wujud luahan masalah yang tidak ditangani atau dibiarkan tanpa dilakukan perbincangan.

Penyesuaian Diri

Proses penyesuaian diri penting diusahakan dalam kalangan isteri bermadu dan pihak suami perlu berperanan. Konflik mudah berlaku dalam kalangan isteri bermadu apabila kurang dapat menyesuaikan diri. Keadaan ini diakui oleh PK1 iaitu isteri kedua menyatakan kesukaran untuk menyesuaikan diri begitu juga hal yang sama yang berlaku terhadap madunya; “toleransi dan kefahaman penting dari isteri pertama untuk sama-sama menyesuaikan diri”. Namun, pihak suami perlu berperanan lebih untuk mengatur usaha bagi memudahkan proses penyesuaian diri berlaku dalam kalangan isteri bermadu. Menurut Kurniawan (2013), konflik sering berlaku pada awal perkahwinan bermadu disebabkan kurang dapat menyesuaikan diri dengan madu.

Salah Faham

Keadaan salah faham seringkali berlaku dalam rumahtangga bermadu malahan ia bukanlah suatu perkara yang asing (N. Mohd Kiram, 2017). Kewujudan situasi salah faham ini dinyatakan oleh PK4 berlaku dalam hubungan antara sesama madu dan suami. Menurut beliau; “salah faham macam tu ada..., gaduh apa tak ada... Tapi kalau sikit-sikit tu ada la”. PK5 turut mengiyakan hal ini; “kalau ada tu la salah faham sikit tu memang ada la dalam rumah tangga, ‘kan”. Wujud keadaan salah faham ini perlu dileraikan agar ia tidak menjadi konflik yang lebih serius. Kajian mendapati komunikasi yang terjalin di antara suami dengan para isteri melalui konsep persefahaman dan berfikir secara positif berupaya menampung kekurangan bagi keluarga poligami. Kajian Mariam & Syafirul (2017) mendapati perselisihan dan ketidakfahaman yang selalu berlaku dalam kalangan suami dan isteri boleh menjadi sebab berlakunya pertengkaran dan pergaduhan.

Tiada Komunikasi Sesama Madu

Komunikasi penting dalam hubungan rumah tangga. Wujud keadaan tiada komunikasi dalam kalangan isteri bermadu apabila sebahagian isteri menghindarkan diri mereka daripada berkomunikasi secara lisan dengan madu mereka. Menurut Siti Zuibaidah & Hana (2018), komunikasi tidak semestinya dalam bentuk pengucapan semata-mata namun komunikasi bukan lisan dapat difahami dalam bentuk lirikan mata, sentuhan dan layanan sebagai simbol dan isyarat yang boleh difahami. Komunikasi lisan perlu dalam keadaan-keadaan tertentu bagi menyelesaikan sesuatu isu seandainya berlaku.

Keadaan ini terjadi berkemungkinan disebabkan wujud pelbagai faktor. Menurut PK3; “saya tidak pernah ada berhubung dengan madu saya”. Wujudnya komunikasi sama ada secara lisan atau bukan lisan menyumbang dalam usaha mengurus konflik rumah tangga.

Berdasarkan dapatan berkaitan menjelaskan berkaitan faktor-faktor timbulnya konflik dalam rumah tangga bermadu yang dinyatakan oleh informan bagi menjawab persoalan kedua kajian analisis keperluan pembinaan model ini. Wujud beberapa faktor dalaman dan luaran dinyatakan sebagai penyumbang yang mencetuskan konflik dalam rumah tangga bermadu. Antara faktor dalaman ialah hilang kepercayaan terhadap suami, cemburu manakala faktor luaran pula ialah pembahagian masa dan penggiliran dengan adil, pengabaian tanggungjawab, penyesuaian diri, salah faham dan tiada komunikasi sesama madu. Kajian Zanariah et. al (2018) mendapati bahawa konflik berlaku dalam perkahwinan poligami disebabkan suami berkahwin poligami secara rahsia, tidak berlaku adil dalam giliran bermalam, pemberian nafkah dan sebagainya.

Pendekatan Mengurus Konflik Rumah Tangga Bermadu

Pelbagai pendekatan dinyatakan oleh informan berkaitan kaedah mengurus konflik yang berlaku dalam kehidupan rumah tangga bermadu. Dapatan temu bual berikut bertujuan menjelaskan persoalan kajian berkaitan kaedah yang dilakukan oleh informan bagi mengurus konflik yang berlaku dalam rumahtangga bermadu mereka. Antara kaedah dinyatakan ialah:

Komunikasi yang Baik

Komunikasi yang baik penting dalam kalangan pasangan rumah tangga. Kegagalan mempraktikkan komunikasi positif bukan sahaja boleh mengundang perceraian dan hubungan yang renggang antara pasangan tetapi turut menyumbang kepada masalah lain seperti pergaduhan, perselisihan faham, pertengkaran dan penderaan (Pickover et al., 2019; Xue et al., 2018; Che Noh & Yusoooff, 2011). Perbincangan yang dilaksanakan antara sesama madu dan suami merupakan salah satu kaedah yang dinyatakan oleh informan bagi mengurus konflik yang berlaku dalam rumahtangga bermadu. Menurut PK6; “konflik dapat diselesaikan dengan baik dengan hikmah dengan mesyuarat”. Perkara ini turut dinyatakan oleh PK5 iaitu kaedah perbincangan adalah antara yang dilakukan bagi mengurus konflik; “jadi kita... bila kita tak faham tu, kita jumpa balik bertiga ha duduk balik bersebang”. Perbincangan adalah kaedah yang dikemukakan oleh informan bagi mengurus konflik yang berlaku. Sifat berlapang dada antara sesama madu perlu wujud dalam rumahtangga bermadu. Hal ini demikian kerana sifat tersebut adalah satu kaedah penting untuk mengurus konflik yang berlaku agar tidak

menyakitkan hati. PK5 menyatakan; “tapi sekarang ni Umi dah kena lapang apa... kena apa orang kata kena releasekan, kalau tak sakitkan.”. Sikap berlapang dada ini penting untuk mengelakkan diri menjadi tertekan sekaligus berupaya mengelakkan daripada berlaku konflik. Selain itu, bertolak ansur merupakan langkah atau kaedah yang perlu dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Menurut PK2; “haaa apa orang kata, kita bertolak ansur, kita bagi peluang”, “jangan mendesak”. Kaedah tolak ansur dinyatakan oleh informan dalam usaha mengurus konflik yang wujud. Aspek pemilihan waktu yang sesuai untuk berkomunikasi penting diberi perhatian. Suami dan para isteri perlu mencari waktu yang sesuai untuk mengadakan perbincangan jika berlaku konflik dalam rumah tangga bermadu. Sekiranya mengikut nafsu amarah, sudah tentu konflik atau salah faham yang berlaku menjadi lebih serius. Perkara ini diakui oleh PK5 yang menyatakan; “kalau saya gaduh dengan dia pun ada apa yang selisih tak faham tu saya memang diam. Selepas itu dah reda sikit, baru kita cakap balik”. Keadaan marah dan ketegangan emosi bukanlah waktu yang sesuai untuk pasangan rumah tangga berbincang berkaitan konflik yang wujud.

Menjaga Hati dan Menyantuni

Pandai menjaga hati para isteri merupakan kebijaksanaan suami dalam mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu. Menurut PK6; “haa kadang-kadang kita ni terpaksa buat-buat lapar juga, pergi rumah bini pertama tanya, dah makan? Kita kata belum makan, haa padahal dah makan. Bini kedua tanya, dah makan? Haa belum. Haa tapi dah makan pun, tapi kena jawab tak makan lagi. Sebab apa? Kena jaga hati kedua-dua pihak juga...”. Kaedah seterusnya untuk mengurus konflik rumah tangga yang dikemukakan ialah tidak memilih kasih dan tidak membandingkan isteri pertama dengan isteri kedua dan seterusnya. Menurut PK6; “jangan pernah ceritakan baiknya isteri yang satu depan isteri yang ini. Haa jangan cerita buruk isteri yang ini depan isteri yang ini”. Pihak suami perlu pandai menjaga hati dan menyantuni para isteri dalam mengurus konflik daripada berlaku, begitu juga pihak isteri dengan madunya. Menurut Dini et. al (2018), memiliki sifat yang mulia membantu memudahkan pasangan dalam menguruskan konflik rumah tangga. Kajian Aulia (2012) mendapati isteri kedua memiliki perasaan empati dan tidak menuntut agar suami selalu bersamanya, sebaliknya menyedari bahawa dirinya harus mengambil kira pihak isteri pertama yang rela berkongsi suami untuk dirinya. Keadaan ini berupaya menghindari konflik daripada berlaku.

Reda dengan Qada' Qadar

Perkara yang nampak mudah tapi paling sukar dan berat untuk dilakukan adalah mewujudkan perasaan reda dalam menerima ketentuan Allah SWT. Menurut Hetty Anggraini (2015), pergantungan kepada ketentuan Allah SWT penting dalam

mengharungi kehidupan perkahwinan berpoligami. Reda terhadap ketentuan Allah SWT hakikatnya adalah kaedah terbaik tarbiyah daripada Allah SWT dalam usaha mengurus konflik dalam rumah tangga bersedu. PK2 menyatakan; “dia dah reda dan dia dapat terima saya sebagai madu dia”. Perkara ini turut dinyatakan oleh PK3; “tiada yang manis, tawar, kecewa namun reda dengan ketentuan Allah SWT”. Rasa reda terhadap ketentuan Allah SWT merupakan antara kaedah dalam mengurus konflik yang wujud. Di samping itu, sifat kesabaran merupakan kunci ketahanan diri terutama dalam mengurus konflik rumah tangga bersedu (Rohmad 2016). Menurut PK2, “saya yang banyak bersabar berbanding dengan madu saya”. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh PK5 yang mengakui bahawa madunya sendiri mendakwa bahawa beliau sangat penyabar dalam rumah tangga, “dia cakap macam tu saya ni banyak sabar”. Kenyataan ini menunjukkan bahawa sifat sabar penting dimiliki bagi mengurus konflik dalam rumah tangga.

Bertanggungjawab dan Adil

Islam membenarkan amalan poligami yang dilaksanakan berasaskan kemampuan tanggungjawab dan keadilan (Nur Hazwani et. al, 2012). Sifat bertanggungjawab dan adil penting dalam memastikan kerukunan dalam rumah tangga dapat dikekalkan (Aulia Musyarofah, 2012). Sikap suami memainkan peranan utama dalam memastikan perkahwinan poligami yang dibina berupaya menyumbang terhadap pengukuhan institusi keluarga (Sa’ diah, 2002). Suami perlu sentiasa memberi sokongan dan kreatif dalam memberi dorongan kepada para isteri untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah bertujuan menghindari diri daripada perkara-perkara yang negatif. Menurut PK1, “suami memang sentiasa support apa yang isteri pertama buat”, “suami sentiasa menggalakkan perkara itulah”. Isteri menjadi lebih kuat semangat menerusi dorongan berterusan yang diberikan oleh pihak suami (Alpenia, 2012).

Menyimpan Rahsia Rumah Tangga

Kaedah seterusnya dalam mengurus konflik rumahtangga bersedu adalah tidak menceritakan perihal rahsia rumah tangga kepada orang luar. Menurut PK4, “kalau dengan saudara saya tak pernah kalau nak cerita-cerita ni memang kita orang tak pernah bercerita hal keluarga saya tak pernah cerita pada orang lain.” PK5 juga menyatakan hal yang sama; “sampai hari ni kan diorang apa-apa hal pun saya pun kalau ada rumah tangga ke apa kan, saya tak pernah cerita pada dia orang, jenis cerita dekat mak je”. Kenyataan ini menjelaskan bahawa sikap menjaga rahsia rumah tangga sangat penting bagi mengelakkan berlakunya konflik dalam rumah tangga bersedu. Pasangan suami dan isteri hendaklah memastikan tiada campur tangan ahli keluarga dalam masalah

rumah tangga. Menurut PK5; “keluarga pun tak ada masuk campur. Diorang pun tak kesah... Keluarga saya pun okay... Macam tu la”. Keluarga memberi pengaruh yang besar terhadap seseorang. Jika positif pengaruh yang diberikan maka positif sikap yang dizahirkan, begitu juga sebaliknya. Kajian Aulia Musyarofah (2012) turut mendapati bahawa isteri yang dimadukan tidak menceritakan masalah dalam rumah tangga kepada keluarganya termasuk ibunya malah memilih untuk menanggungnya dan mencari jalan keluar untuk permasalahan yang terjadi. Namun begitu, dalam perkara tertentu, masalah berkaitan rumah tangga yang boleh dikongsi bersama ahli keluarga yang dipercayai agar dapat memberi panduan atau nasihat seperti ibu (Mohd Fuad Salleh 2015).

Menghadkan Pergaulan Dengan Aktiviti Sosial yang Kurang Penting

Konflik rumah tangga bermadu dapat diminimumkan menerusi menghadkan aktiviti sosial yang kurang penting. Aktiviti sosial kadangkala mengundang perkara negatif atau pemikiran negatif orang luar yang menanam hasutan negatif terhadap keluarga bermadu. Menurut PK4, “saya jarang bergaul dengan orang luar kecuali saya bergaul dengan orang, cuma atas urusan business. Gangguan media sosial seperti Facebook dikenalpasti mampu mengundang konflik yang menggugat tali perkahwinan sekaligus menjadi antara punca terjadinya kes perceraian apabila sikap suami atau isteri yang mendedahkan hal berkaitan rumah tangga di laman sosial (Abe Sophian, Zuliza, & Anwar Fakhri 2014).

Pendekatan yang dinyatakan ini merupakan antara usaha yang dilaksanakan oleh informan dalam mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu yang dilalui. Komunikasi yang baik, menjaga hati dan menyantuni isteri, reda dengan qada' dan qadar, bertanggungjawab dan adil, menyimpan rahsia rumah tangga, menghadkan pergaulan dan aktiviti sosial yang kurang penting dinyatakan sebagai pendekatan yang dilakukan untuk mengurus konflik yang timbul dalam rumah tangga bermadu. Kesemua pendekatan yang dinyatakan memberi indikator terhadap sikap berkompromi yang tinggi penting dalam mengurus konflik kehidupan rumah tangga bermadu. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Nor Hafizah et. al (2017) yang mendapati strategi kolaboratif adalah strategi paling popular yang diamalkan oleh pasangan suami isteri Melayu dalam mengurus konflik rumah tangga. Manakala strategi bertukar fikiran dan perasaan sehingga mengorbankan keperluan dan minat mereka sendiri untuk memenuhi keperluan pasangan mereka ekoran bimbang kehilangan hubungan mereka serta mereka tidak mahu menyakiti pasangan. Corak komunikasi yang produktif dapat bantu mengurangkan implikasi buruk dari konflik hubungan (Graham et. al 2009).

Keperluan Membangun Model

Dapatan kajian berikut menjelaskan pandangan informan berkaitan keperluan membangunkan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga;

Keperluan Panduan

Berdasarkan transkripsi temu bual yang dilakukan, majoriti informan kajian bersetuju bahawa model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) perlu dibentuk. Menurut para informan, terdapat keperluan diwujudkan model psikologi komunikasi isteri bermadu. PK2 menyatakan; “yes.., yes..” “haaa saya rasa memang perlu lah”. Selanjutnya PK3 menambah bahawa wujud keperluan membangunkan model ini dengan menyatakan, “perlu,”. Ini turut disokong oleh PK5; “haa ye bagus tu,” “haa perlu, bagus. Memang satu benda yang bagus la”. Selanjutnya menurut PK1; “hmmm iya, saya setuju perlu ada satu modul atau model ini untuk masyarakat”. PK2 menyuarakan pendapat beliau bahawa; “sesuailah diadakan satu modul sebab kadang-kadang kita ni tak tahu di mana kita nak rujuk,” katanya lagi; “supaya keluarga yang berpoligami ni contohnya harmonilah” dan “haa mungkin kalau modul ni ada mungkin boleh lah membantu terutamanya sekarang kalangan muda mudi kan dan kami yang peringkat tua ni lain dah. Dan memang mereka tidak dapat menghadapi kalau sekiranya berlaku pada dia orang”. PK4 turut menyatakan keperluan model, “sebagai panduan kepada suami berpoligami dan pasangan bermadu yang tinggal serumah”. Adalah dilihat kewujudan model ini dapat membantu pasangan suami isteri bermadu mengurus konflik yang wujud dalam rumah tangga sekaligus berupaya mengekalkan keharmonian agar implikasi negatif seperti persengketaan dan yang lebih kritikal seperti perceraian dapat dielakkan (Larasati 2012).

Membentuk Tasawwur yang Betul

Model yang dibangunkan berupaya bantu membentuk gambaran atau tasawwur yang betul berkaitan pengurusan rumah tangga poligami. Menurut PK1, “mungkin boleh memberi atau hanya mengurangkan stigma masyarakat yang memandang poligami itu hanyalah yang buruk-buruk sahaja yang pahit-pahit sahaja..”. Pembinaan model ini dapat dijadikan panduan dalam mengurus konflik rumah tangga poligami. Ini diperakukan oleh Krenawi (2014) bahawa perbincangan berkaitan isu pengurusan keluarga poligami kurang dibincangkan berbanding monogami.

KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan dilaksanakan menerusi pengumpulan maklumat dalam konteks dan situasi kajian daripada isteri yang bermadu dan suami yang berpoligami

sebagai pengguna sasaran model. Data diperolehi pada peringkat analisis keperluan menunjukkan wujud konflik dalam rumah tangga bermadu ekoran faktor-faktor yang dinyatakan. Pelbagai kaedah diaplikasi oleh informan bagi mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu. Majoriti informan menyatakan persetujuan bagi pembangunan model sekaligus menjadi petanda keperluan membangunkan model psikologi komunikasi dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Spesifikasi pembangunan model ini mengambil kira faktor konflik dan permasalahan dalam konteks rumah tangga bermadu yang berlaku. Pendekatan psikologi dan komunikasi menjadi domain utama dalam pengurusan konflik. Dapatan dalam analisis keperluan ini selanjutnya dijadikan sebagai asas dalam mereka bentuk dan membangunkan model ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan antara pembentangan dapatan kajian bertajuk Model Psikologi Komunikasi Isteri Bermadu Mengurus Konflik Rumahtangga Menurut Perspektif Islam. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Premier (GPP), 2017/P/GPIK/GPP/001.

RUJUKAN

- A. Kurniawati. 2013. Dampak psikologis kehidupan keluarga pada pernikahan poligami. Disertasi Sarjana, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.
- Abe Sophian, Zuliza & Anwar. 2014. Faktor perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari tahun 2000 hingga 2010. *Islāmiyyāt* 36(1): 5-20.
- Ahmad Zamri. 2014. Pandangan staf wanita Islam UiTM Kampus Samarahan Sarawak terhadap poligami. Kertas Projek Sarjana Muda. Open University Malaysia.
- Alpenia. 2012. Kepuasan perkahwinan pada istri ditinjau dari keterlibatan suami dalam menghadapi tuntutan ekonomi dan pembagian peran dalam rumahtangga *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Perkembangan* 1 (03): 1-6.
- Altmäe, S., Türk, K., & Toomet, O. S. 2013. Thomas-Kilmann's conflict management modes and their relationship to Fiedler's leadership styles (Basing on Estonian Organizations). *Baltic Journal of Management*, 8(1): 45–65. doi:10.1108/17465261311291650.
- Alean Al Krenawi. 2014. *Psychosocial Impact of the Polygamy in the Middle East*. New York : Springer Science Business Media.

- Aulia Musyarofah. 2018. Resiliensi isteri dipoligami. Disertasi Sarjana Sosial. Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia.
- Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah. 2013. Konflik politik dan penyelesaiannya menurut Perspektif Islam. Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI. UiTM Sarawak. University of Malaya>my>repository [20 October 2015].
- Branch, R. M. 2009. *Instructional Design: The ADDIE Approach*. New York, NY: Springer.
- Cherni Rachmaadani. 2013. Strategi komunikasi dalam mengatasi konflik rumahtangga mengenai perbezaan tingkat penghasilan Di Rt.29 Samarinda Seberang. *eJournal Ilmu Komunikasi*. 1(1): 212-227.
- Dini, Suhailiza, Marina, & Zaliridzal, M. 2018. Kefahaman beragama dan proses transformasi hubungan pasangan dalam perkahwinan. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 3(2): 75-91.
- Fadilah Ismail. 2016. Faktor keharmonian dan keruntuhan rumahtangga. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 11 (PERKEM), Vol. 11: 394-399. Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor, 27 - 28 Julai 2016.
- Fitri Yuliantini, Zainal Abidin & Retno Setyaningsih. 2008. Konflik Marital pada Perempuan dalam Pernikahan Poligami yang Dilakukan Karena Alasan Agama. *Jurnal Psikologi*. *Jurnal Psikologi* 1(2) Disember 2008: 133-162.
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. 2005. *Principles of Instructional Design*. 5th ed.. Belmont, CA: Wadsworth.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Hafizah, N., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R. & Rosli, M. M. 2017. Conflict management among Malay married couples: An analysis on their strategies & tactics. *Asian Social Science*, 13(10): 95-103. doi :10. 5539/ ass. v13n10p95.
- Hetty Anggraini. 2015. Meaning of adjustment for wife with husband's have polygamy. *Journal of Guidance and Counseling*. 5 (2): 1-16.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Melaka, 28-29 Mac.

- Mohd Fuad, S. 2015. Konflik keluarga Islam dan kaedah penyelesaian di Mahkamah Syariah di Selangor. Di akses daripada <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.1836.3600>.
- M. Luthfi. 2017. Komunikasi interpersonal suami dan istri dalam mencegah perceraian di Ponorogo. *ETTISAL Journal of Communication* 2(1): 51-61. doi : <http://dx.doi.org/10.21111/ettisal.v2i1.1413>.
- Mariam & Syafirul. 2017. Trend dan faktor perceraian rumahtangga di Negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 40-53. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/17>.
- Muhammad Nubli Abd Wahab. 2008. Kecemerlangan Pengurusan Organisasi dalam Islam Siri 2. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria. 2017 . Gaya pengurusan konflik dan kesannya terhadap institusi kekeluargaan dalam Novel Saga. *Akademika* 87(2) Ogos 2017:77-87. <http://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-06>.
- Nurhanisah & Raihanah. 2016. Penghayatan Islam dan hubungannya dengan konflik rumahtangga: Kajian di unit runding cara, bahagian undang- undang keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Shariah Journal* 24 (3): 393-422.
- Nur Hazwani Anuar, Nurzawani & Kamarul Jasmi. 2012. Wanita dan Persoalan Poligami dalam Islam. Prosiding Seminar Tamadun 2012 at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012: 53-71. ISBN978-967-0194-19-6.
- Rahim, M. A. 1983. A measure of styles of handling interpersonal conflict. *Academy of Management Journal* 26(2) 368–376. <https://www.jstor.org/stable/255985>.
- Rashidah Rahmat. 2013. Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih komsas dalam Bahasa Inggeris tingkatan empat. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reinbold, S. 2013. Using the ADDIE model in designing library instruction. *Medical Reference Services Quarterly*, 32(3), 244 – 256.
- Richey, R., & Klien, J. 2007. *Design and Development Research: Method, Strategies and Issues*. London: Erlbaum.

- Ridzuan Masri, Arman Ahmad & Razlina Abd. Rani. 2018. Teori Maslow dalam konteks memenuhi keperluan asas pekerja dan peranannya dalam meningkatkan prestasi organisasi: Kajian dan perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 10 (1) (2018) 1-27.
- Rohmad, M. A. (2016). Kesabaran isteri poligami. *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 1(1), 21–36. doi: 10.21580/jjish.11.1372.
- S.Ramaraju. 2012. Psychological Perspectives on interpersonal communication. *Journal of Arts, Science & Commerce, Vol.– III, Issue–4(2)*, October 2012: 68-74.
- Sa'diah Abdul Samad. 2002. Kesan poligami terhadap keluarga Islam: Suatu kajian di Langkawi, Kedah. Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Saedah, S., Norlidah, A., DeWitt, D., & Zaharah, H. 2013. *Design And Developmental Research: Emergent Trends In Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Farhah, A.A. & Saedah, S. 2015. Pembangunan model objektif kurikulum berasaskan taman buah-buahan dan sayur-sayuran berkhasiat untuk sekolah rendah orang asli. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JUKU)*, 3(3), 1-13.
- Siti Zuibaidah & Hana, 2018. Realiti keluarga poligami: komunikasi nafkah menurut perspektif mazhab syafi'i . *Jurnal 'Uthwan . Jilid 1*: 146-159.
- Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad b. Dahalan. 2018. Faktor-faktor konflik rumah tangga: Kajian di unit runding cara Jabatan Agama Islam Selangor. International Conference on Islamiyyat Studies. Hotel TENERA, Bandar Baru Bangi: 302-311. 18-19 September 2018.